

KENYATAAN MEDIA

SWM ENVIRONMENT PERLUAS PROGRAM KITAREcycle MENERUSI KAEDAH KUTIPAN DARI RUMAH KE RUMAH DI TAMAN PULAI PERDANA

SEREMBAN, 23 JUN 2023 – SWM Environment Sdn Bhd (SWM Environment) memperluaskan lagi program KITAREcycle dengan kaedah kutipan dari rumah ke rumah bagi 200 buah premis kediaman dengan kerjasama Persatuan Penduduk di Taman Pulai Perdana, Seremban.

Pengurus Besar Korporat SWM Environment, Mohd Norlisam bin Mohd Nordin berkata, ini adalah kawasan kediaman ke-empat bagi pelaksanaan program KITAREcycle kaedah kutipan rumah ke rumah dengan kerjasama dan sokongan daripada Persatuan Penduduk dalam memberi kemudahan kepada penduduk taman ini untuk melakukan pengasingan dipunca.

Katanya lagi, kutipan barangan kitar semula sebelum ini yang dilaksanakan di Vision Homes, Seremban sejak Oktober 2018 telah mencecah lebih kurang 180,000 kilogram setakat April 2023 telah menjadi penanda aras kepada kejayaan aktiviti kutipan barangan kitar semula KITAREcycle di kawasan perumahan berpagar dan berpengawal. Justeru itu, pihak SWM Environment ingin merencanakan lagi program KITAREcycle secara berperingkat ke taman-taman perumahan yang lain.

Penduduk di Taman Pulai Perdana boleh mendapat ganjaran daripada aktiviti kitar semula yang dilaksanakan di rumah dengan mendaftar menjadi ahli KITAREcycle. Penduduk boleh memuat turun aplikasi KITAREcycle, asingkan sisa kitar semula mengikut jenis dan dimasukkan ke dalam bungkusan serta ditampal pelekat kod QR atau menulis nombor kod QR. Seterusnya bungkusan tersebut diletakkan di tepi tong sampah beroda pada hari jadual kutipan kitar semula.

Selain kemudahan fasiliti dan pendidikan sedia ada yang digerakkan oleh SWM Environment seperti Pusat Pandu Lalu KITAREcycle yang dibina di Wisma MBS, Majlis Bandaraya Seremban, Pusat Komunikasi, Pendidikan dan Kesedaran Awam (Hab CEPA) di Perpustakaan Awam Negeri Sembilan dan kenderaan bergerak KITAREcycle yang menjelajah segenap pelusuk Negeri Sembilan oleh pasukan 3R Troopers, SWM Environment juga mengalu-alukan kerjasama strategik daripada pelbagai pihak termasuk pemaju perumahan, agensi kerajaan, swasta, institusi pendidikan, badan bukan kerajaan (NGO) serta komuniti setempat bagi bersama-sama mengubah tingkah laku orang ramai terhadap amalan kitar semula. Selaras dengan Matlamat Pembangunan Lestari yang memfokuskan kepada teras penggunaan dan pengurusan sisa pepejal secara berkesan bagi memastikan keseimbangan dan kelestarian alam sekitar terjamin.

-TAMAT-



MENGENAI SWM ENVIRONMENT SDN. BHD.

SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM Environment) adalah syarikat konsesi yang menyediakan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di negeri Johor, Melaka dan Negeri Sembilan sejak tahun 1995, melalui perjanjian konsesi yang dikawal di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negara (Akta 672).

Sebagai syarikat konsesi terbesar di Malaysia, SWM Environment, melalui tenaga kerja yang seramai 12,000 orang, berkhidmat kepada 27 pihak berkuasa tempatan, 1.5 juta premis kediaman dan komersial dengan lebih daripada 5.1 juta orang bagi liputan geografi 28,500 kilometer persegi. Untuk maklumat korporat yang lebih lanjut, sila layari laman web: www.swmenvironment.com.

Dalam usaha mengurangkan sisa janaan ke tapak pelupusan sampah, SWM Environment secara giat mempromosikan program-program alam sekitar yang berimpak tinggi seperti Pengasingan Sisa Pepejal Di Punca (SAS), kitar semula dan pengkomposan sisa makanan demi meningkatkan kesedaran awam di kalangan masyarakat umum.

Pada 2018, SWM Environment telah memperkenalkan program kitar semula berganjarannya, KITAREcycle, di ketiga-tiga negeri selatan Semenanjung Malaysia. KITAREcycle menggalakkan orang ramai untuk mengitar semula dan menerima mata ganjaran untuk lebih daripada 25 jenis barangan kitar semula yang termasuk kertas, tin aluminium, plastik, sisa elektrik dan elektronik. Mata ganjaran yang terkumpul boleh ditebus secara tunai melalui perbankan dalam talian. Orang ramai boleh memuat turun aplikasi KITAREcycle melalui *Apple Store* dan *Google Play Store*. Sila layari laman web: www.kitarecycle.com untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

SWM ENVIRONMENT HQ:

SHIDA TASLIM

Pengurus Kanan

Jabatan Komunikasi Korporat & Hal Ehwal Kerajaan

SWM Environment Sdn. Bhd.

Tel : 019 – 255 0908

E-mel : norsida.taslim@swmsb.com

SWM ENVIRONMENT NEGERI SEMBILAN:

NURUL LIZA BINTI MOHD NAJIB

Pengurus

Jabatan Komunikasi Korporat & Hal Ehwal Kerajaan

SWM Environment Sdn. Bhd. (Negeri Sembilan & Melaka)

Tel : 06 – 6014280/ 012 – 684 7168

E-mel : nurulliza.najib@swmsb.com